

DATE: 3/4/2010

Semua lapisan rakyat nikmati limpahan MEB

BH-3/04/2010
Banyak lagi perincian dilakukan PM untuk bela nasib rakyat

Oleh Khairul Anuar
Abdul Samad
krull@bharjan.com

BACHOK: Semua rakyat di negara ini tanpa mengira bangsa akan menikmati limpahan dari Model Ekonomi Baru (MEB), seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin, meminta pihak tertentu supaya tidak berasa bimbang mengenai nasib mereka dalam MEB itu nanti.

Katanya, MEB yang diumumkan Selasa lalu masih pada peringkat pertama dan banyak lagi perincian yang bakal dilakukan oleh Perdana Menteri, khususnya ke arah membela nasib rakyat terutama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) nanti.



“Setakat ini MEB masih lagi dalam kerangka kasar dengan hanya memperkenalkan prinsip asas saja, sedangkan banyak lagi intipati utama akan diisikan nanti, di samping pengenalan MEB itu juga untuk memberi peluang kepada rakyat memberi maklumat balas.

“Saya tidak nampak ia harus dijadikan sebagai isu yang membimbangkan pihak tertentu kerana banyak lagi pengisian akan dilakukan oleh Perdana Menteri dalam MEB itu nanti terutama ke

arah membantu golongan yang tidak bernasib baik.

“Rakyat tidak harus bersikap demikian (bimbang) terhadap MEB ini, malah perlu dilihat secara menyeluruh iaitu semua pihak akan mendapat nikmatnya nanti,” katanya selepas merasmikan mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bachok, di sini, semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2009.

Awang Adek yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, untuk melihat keberkesanan MEB itu dalam masa singkat, agak mustahil kerana ia dibuat secara berperingkat dan sudah tentu

akan mengambil masa.

Sementara itu, Awang Adek berkata, Kerajaan Pusat kesal dengan tindakan kerajaan Pas Kelantan yang gagal menyediakan kemudahan prasarana air bersih sehingga menyebabkan rakyat negeri ini berhadapan dengan risiko bahaya, hanya untuk mendapatkan sumber air bersih.

Beliau berkata, kerajaan Pusat sudah memberikan pinjaman kira-kira RM600 juta kepada kerajaan Pas Kelantan untuk projek air bersih bagi kegunaan rakyat negeri ini.

Katanya, kejadian yang meragut nyawa seorang anggota Askar Wataniah di Pasir Puteh, dekat sini yang tertimbus dalam runtuhannya perigi digali, harus menjadi iktibar kepada kerajaan negeri dalam menyediakan kemudahan projek air bersih kepada rakyat.